



PEJABAT MENTERI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
ARAS 7, BLOK E3, PARCEL E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62505 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

TEL.:(603) 8883 5000  
(603) 8883 5010  
FAKS:(603) 8889 1952

Rujukan Kami : KPT/YBM/040/27-1

Tarikh : 5 FEBRUARI 2009

Y.Bhg. Naib-Naib Canselor  
Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia

Y.Bhg. Prof. / Tan Sri/ Dato' ,

**SOKONGAN KEPADA KOMA SEAPAC SERVICES BAGI SESI CERAMAH  
DAN DEMONSTRASI PERTAHANAN DIRI WANITA.**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa KOMA SEAPAC SERVICES telah menyatakan minat mereka untuk mengadakan sesi ceramah dan demonstrasi di IPTA-IPTA terpilih. Ceramah ini akan berkisar kepada isu dan teknik mempertahankan diri wanita khususnya. Ini adalah susulan daripada meningkatnya kes-kes yang melibatkan keselamatan wanita di negara ini.

3. Sehubungan dengan itu, Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi memberi **sokongan penuh** agar hasrat KOMA SEAPAC SERVICES ini dapat diberi pertimbangan daripada pihak Y.Bhg. Prof. / Tan Sri / Dato' untuk mereka mengadakan sesi ceramah ini di IPTA.

4. Di atas kerjasama daripada pihak Y.Bhg. Prof. / Datuk/ Dato' dalam perkara ini diucapkan berbilang terima kasih.

Sekian.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,

  
( MOHD ARIF BIN ADENAN )

Pegawai Khas Kepada  
Menteri Pengajian Tinggi Malaysia